

18) HAKMILIK STRATA FLAT KOS RENDAH BUKIT RAHMAN PUTRA

Adun : Y.B. Dato' Dr. Halim Bin Tamuri (Paya Jaras)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah punca masalah hak milik yang dikenal pasti dalam projek perumahan ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Flat Kos Rendah Bukit Rahman Putra merupakan projek perumahan Kos Rendah 5 Tingkat yang dimajukan oleh pemaju Tetuan Harta Kemunchak Sdn Bhd (pemilik projek) yang mengandungi sebanyak 560 unit terdiri daripada 2 peringkat pembangunan iaitu BRP Fasa 6 (1) dan BRP Fasa 6 (2). Sehingga kini, punca masalah kelewatan pengeluaran hakmilik strata adalah disebabkan oleh isu bagi pengeluaran surat wakil kuasa yang baru memandangkan surat wakil kuasa sedia ada telah tamat pada 02 Mac 2023. Oleh yang demikian, pihak pemaju Tetuan Sabna Development Sdn Bhd (sebagai pemaju pembangunan projek) dalam proses untuk mendapatkan surat wakil kuasa baru yang sah daripada pihak pemaju Tetuan Harta Kemunchak Sdn Bhd.

- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu hak milik ini?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melancarkan Insentif Dana Strata Selangor (DSS) yang diselia oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Pejabat Tanah Galian Selangor (PTGS) melalui Jawatankuasa Induk Taskforce Dana Strata Selangor dan Jawatankuasa Teknikal Dana Strata Selangor dimana jawatankuasa tersebut berperanan untuk memperakukan dan meluluskan kos penyelesaian serta membincangkan perkara-perkara teknikal berkenaan permohonan hakmilik strata di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, projek ini juga akan disyorkan bagi penyelesaian isu Hakmilik Strata di bawah Insentif Dana Strata Selangor dengan melengkapkan borang yang telah disediakan di laman sesawang <https://lphs.gov.my>.

c) Bilakah masalah hak milik ini dijangka akan diselesaikan sepenuhnya?

Sehingga kini, segala urusan rasmi seperti proses jual beli, pengeluaran hakmilik strata dan lain-lain perkara tidak dapat dijalankan sehingga pihak pemaju Tetuan Sabna Development Sdn Bhd menerima surat wakil kuasa yang terkini daripada pihak pemaju Tetuan Harta Kemunchak Sdn Bhd sebagai pemilik projek. Walau bagaimanapun, proses susulan akan dilaksanakan bagi mendapatkan status terkini berhubung surat wakil kuasa bagi projek tersebut.